

## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PENGARAH DASAR PERTAHANAN (*SUPERSCALE C*)  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta  
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.




**PENGARAH DASAR PERTAHANAN  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
SUPERSCALE C (\$6,800 EB KHAS \$7,010 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Hubungan Antarabangsa / Pentadbiran Awam / Politik / Undang-Undang atau bidang bersesuaian.  
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. i) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan sebagai Penolong Pengarah atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

**ATAU**

- ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 10 tahun.
3. Lulus / dipersyaratkan untuk lulus dalam kursus “**Program Pembangunan Eksekutif**” di institusi-institusi tempatan ataupun luar negara atau kursus sebanding yang diiktiraf oleh Kerajaan.
4. Berpengetahuan dalam bidang Dasar-Dasar Kerajaan termasuk dalam bidang Pertahanan serta mempunyai pengalaman dalam membuat tugas yang berkaitan dengan dasar dan undang-undang adalah merupakan kelebihan.
5. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab dalam perkara berhubung dengan hal ehwal Undang-Undang, Perhubungan Awam dan Kaji Selidik Keselamatan, Pertahanan dan Politik;
2. Bertanggungjawab dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan Dasar Pertahanan dan perancangan-perancangan yang tertentu yang tidak melibatkan operasi ketenteraan dengan tertakluk kepada apa jua arahan-arahan dan ketetapan-ketetapan yang dibuat dari semasa ke semasa;
3. Selaku Pegawai Pengawal kepada Peruntukan Perbelanjaan yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti dan hal ehwal Perhubungan Awam, Kementerian Pertahanan; dan
4. Menjalankan apa jua arahan dan pembahagian kerja yang diberikan dari semasa ke semasa oleh pihak atasan.